



Kata Kampus

Oleh
**Prof. Madya
DR. MUHAMMAD
ALI IMRAN
KAMARUDIN**

KONSEP Ekonomi Jingga (KEJ) merupakan satu cabang baharu dalam pembangunan ekonomi negara melalui Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK-13). Ia telah dibentangkan oleh Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan, Datuk Seri Anwar Ibrahim di Dewan Rakyat, Kuala Lumpur pada 31 Julai lalu.

Konsep KEJ ini memberi penekanan khusus kepada aspek ekonomi yang berasaskan kreativiti, seni, budaya, warisan dan inovasi. Ia menekankan bahawa aset budaya dan kreativiti bukan sekadar nilai estetika tetapi sumber ekonomi yang mampu menjana pendapatan, pekerjaan dan daya saing negara.

Dalam konteks Malaysia, KEJ dilihat sebagai pelengkap kepada ekonomi hijau dan digital dengan memberi fokus kepada industri kreatif, warisan budaya serta inovasi sosial yang mampu memperkukuh identiti nasional dan meningkatkan kesejahteraan masyarakat.

RMK-13 merupakan pelan pembangunan lima tahun negara bagi tempoh 2026 hingga 2030. Ia bertepatan 'Melakar Semula Pembangunan' dan memberi fokus kepada pembangunan inklusif, inovasi serta kelestarian ekonomi.

Pembentangan yang merupakan sebahagian daripada Mesyuarat Kedua Penggal Keempat Parlimen Ke-15, di mana Perdana Menteri telah menekankan bahawa RMK-13 adalah hala tuju baharu untuk memastikan tiada kumpulan masyarakat dipinggirkan dalam arus pembangunan negara.

Dengan pelancaran ini, RMK-13 menjadi dokumen utama yang akan memandu dasar ekonomi, sosial dan pembangunan negara sehingga tahun 2030, termasuk aspek KEJ dengan menekankan kreativiti, budaya serta inovasi sebagai pemacu ekonomi baharu Malaysia.

Dari sudut polisi, RMK-13 telah memperkenalkan strategi untuk memacu ekonomi berasaskan teknologi, inovasi dan kreativiti. Dasar ini menekankan pembangunan modal insan melalui latihan berstruktur, penyediaan dana inovasi serta sokongan kepada industri kreatif dan sosial.

Kerajaan turut memberi perhatian kepada pengukuhan ekosistem keusahawanan dengan menyediakan insentif, geran penyelidikan dan dana pembangunan bagi projek-projek yang berteraskan ekonomi jingga.

Polisi ini bukan sahaja menyokong pertumbuhan industri kreatif, malah menggalakkan penglibatan belia dan pelajar institusi pengajian tinggi (IPT) sebagai peneraju inovasi.

Konsep baharu ini membuka ruang luas kepada pelajar-pelajar khususnya mereka yang berada di IPT awam mahupun swasta di Malaysia. Dari satu sudut yang jelas, konsep ekonomi jingga ini membuka ruang serta peluang kepada para pelajar IPT untuk terlibat dalam bidang keusahawanan, keusahawanan sosial serta pembangunan modal insan melalui pelbagai program latihan, pembangunan, selain dana dan



EKONOMI Jingga turut berperanan sebagai pemangkin kepada transformasi ekonomi negara dengan menekankan kelestarian budaya dan inovasi. - GAMBAR HIASAN

Ekonomi Jingga perluas cabang ekonomi negara



KEJ memberi fokus kepada industri kreatif, warisan budaya serta inovasi sosial bagi meningkatkan kesejahteraan rakyat. - GAMBAR HIASAN

geran disediakan di bawah RMK-13. Mereka boleh memanfaatkan program latihan pembangunan yang ditawarkan melalui kerjasama antara IPT bersama pihak-pihak berkenaan seperti kementerian, agensi kerajaan dan pemain-pemain industri kreatif.

Latihan dan program pembangunan ini merangkumi aspek pengurusan perniagaan kreatif, pembangunan produk berasaskan

budaya serta penggunaan teknologi digital seperti realiti maya (VR) dan kecerdasan buatan (AI) dalam pendidikan dan perniagaan.

Selain itu, terdapat dana inovasi dan geran penyelidikan yang boleh dimohon oleh pelajar atau kumpulan pelajar untuk membangunkan projek keusahawanan sosial, aplikasi kreatif atau produk berasaskan warisan budaya.

Dana ini termasuk sokongan daripada agensi seperti TERAJU, PUNB dan MOSTI yang menekankan inovasi sebagai pemacu ekonomi baharu.

Dalam konteks pembangunan negara, Ekonomi Jingga berperanan sebagai pemangkin kepada transformasi ekonomi Malaysia dengan menekankan kelestarian budaya dan inovasi.

Ia bukan sahaja meningkatkan daya saing global tetapi memperkukuh identiti nasional melalui pemeliharaan warisan dan kreativiti. Pelajar IPT sebagai pemimpin masa depan memainkan peranan penting dalam menggerakkan agenda ini.

Mereka bukan sahaja perlu menjadi usahawan berdaya saing, malah pemimpin sosial yang mampu menggunakan kreativiti untuk menyelesaikan masalah masyarakat, membina model pembangunan inklusif dan memperkukuh jaringan komuniti.

Kesimpulannya, dasar Ekonomi Jingga dalam RMK-13 membuka ruang besar kepada pelajar IPT untuk meneroka bidang keusahawanan dan inovasi sosial.

Melalui latihan pembangunan, dana tersedia serta sokongan polisi kerajaan, pelajar dapat membina projek kreatif yang memberi impak kepada ekonomi dan masyarakat.

Peranan mereka sebagai pemimpin masa depan adalah untuk memastikan Ekonomi Jingga bukan sekadar konsep tetapi menjadi realiti yang memperkukuh ekonomi Malaysia dan identiti bangsa.

PENULIS merupakan Pensyarah Kanan Program Keusahawanan Pusat Pengajian Pengurusan Perniagaan, Universiti Utara Malaysia